

**ANALISIS KEKERAPAN KOLOKASI BUDAYA  
DALAM KORPUS BUKU TEKS  
BAHASA IBAN**

**DEBBIE GRACE ANAK FREDERICK MATT**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**

**ANALISIS KEKERAPAN KOLOKASI BUDAYA DALAM KORPUS  
BUKU TEKS BAHASA IBAN**

**DEBBIE GRACE ANAK FREDERICK MATT**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...19...(hari bulan) Januari... (bulan) 2026...

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Debbie Grace Anak Frederick Matt, M20231000880, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Kekekapan Kolokasi Budaya Dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr. Muhamad Fadzllah bin Hj. Zaini (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Kekekapan Kolokasi Budaya Dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Iban (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19/1/2026

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**DR. MUHAMAD FADZLLAH BIN HJ ZAINI**  
Ketua Jabatan  
Jabatan Bahasa Etnik  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900, Tg. Malim, Perak.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analisis Kekerapan Kolokasi Budaya Dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban

No. Matrik /  
 Matric's No.: M20231000880

Saya / I am: Debbie Grace Anak Frederick Matt

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
*The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

<input checked="" type="checkbox"/>	<b>AKSES TERBUKA OPEN ACCESS</b>	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	<b>*TERHAD *LIMITED</b>	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted (Library will restrict access until ____ years).</i>
	<b>*SULIT *CONFIDENTIAL</b>	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	<b>EMBARGO</b>	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut. This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

**\*Nota / \*Notes:**

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.  
*If no option is marked, the first option will be automatically implemented.*
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai TERHAD atau SULIT. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 19/1/2026

Tarikh: 19/1/2026 **DR. MUHAMAD FADZLLAH BIN HJ ZAINI**

*Ketua Jabatan  
 Jabatan Bahasa Emik  
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 35900, Tg. Malim, Perak.*

## PENGHARGAAN

Syukur diucapkan atas keberkatan yang diberikanNya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis yang telah diusahakan selama ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya, iaitu Dr. Muhamad Fadzllah bin Hj. Zaini, atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang berterusan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Dengan adanya bantuan dari beliau, saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada keluarga tercinta, terutamanya ibu bapa saya, atas doa, sokongan dan kasih sayang yang tidak pernah putus. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan moral dan bantuan sepanjang proses ini. Tanpa mereka, mustahil untuk saya sampai ke tahap ini. Sehubungan dengan itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan dari belakang. Begitu juga kepada pihak Perpustakaan Tunku Bainun kerana telah menyediakan kelengkapan kepada saya dalam memperoleh segala maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyediaan tesis ini. Semoga segala jasa baik yang diberikan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Tuhan.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneliti kolokasi kata berdasarkan elemen budaya dalam buku teks bahasa Iban. Antara aspek yang diteliti dalam kajian ini adalah termasuk (1) mengenal pasti kekerapan kata berdasarkan elemen budaya dalam Korpus Buku Teks bahasa Iban sekolah menengah; (2) menganalisis klasifikasi kata berdasarkan elemen budaya Korpus Buku Teks bahasa Iban sekolah menengah; dan (3) menghuraikan hubungan antara kata berdasarkan elemen budaya dan pemaknaan berdasarkan Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah. Kajian ini menggunakan buku teks bahasa Iban sekolah menengah yang bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Manakala reka bentuk bagi kajian ini pula ialah kuantitatif yang berpandukan korpus. Perisian korpus yang digunakan dalam kajian ini pula ialah LancsBox 6.0. Berdasarkan hasil janaan *WORDS*, terdapat 6530 kata kandungan yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban. Namun, pengkaji telah memilih 18 kata kandungan yang mempunyai elemen-elemen budaya. Antara elemen budaya yang ditetapkan ialah sosial, tradisi, seni, bahasa, kepercayaan dan pakaian. Kata kandungan yang mempunyai elemen budaya ialah *bansa, raban, gaga, iban, tanda, nemuai, petara, antu, burung, kala, ukir, chura, jaku, leka, ensera, marik, gagung* dan *sirat*. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa setiap kata tersebut mempunyai kolokasi dengan kata lain dan hubungan antara kata dengan pemaknaan dapat diteliti melalui hasil janaan konkordans.

05- Oleh itu, terdapat sembilan kata yang mempunyai unsur makna sinonim, iaitu *raban, nemuai, petara, ukir, chura, ensera, marik, gagung* dan *sirat*. Manakala kata *gaga, tanda, antu, kala* dan *leka* pula mempunyai unsur makna homograf. Kata yang terdiri daripada makna homonim adalah termasuk kata *bansa, iban, burung* dan *jaku*. Kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Iban juga mempunyai unsur perluasan makna dan menjadikan bahasa Iban sangat unik untuk diterokai dari segi pemaknaan kata.

## AN ANALYSIS OF THE FREQUENCY OF CULTURAL COLLOCATIONS IN IBAN LANGUAGE TEXTBOOKS

### ABSTRACT

This study was conducted to examine the collocation of words based on cultural elements in Iban language textbooks. This study included: (1) identifying the frequency of words based on cultural elements in the Iban Language Textbook Corpus for secondary schools; (2) analyzing the classification of words based on cultural elements in the Iban Language Textbook Corpus for secondary schools; and (3) describing the relationship between words based on cultural elements and meanings in the Iban Language Textbook Corpus for secondary schools. The study uses Iban language textbooks from Form 1 to Form 5. The design of this study is quantitative, based on a corpus. The corpus software used in this study is LancsBox 6.0. Based on the results generated by WORDS, there are 6530 content words found in the Iban language textbooks. However, the researcher selected 18 content words that have cultural elements. The cultural elements identified include social, tradition, art, language, beliefs, and clothing. The content words with cultural elements are *bansa*, *raban*, *gaga*, *iban*, *tanda*, *nemui*, *petara*, *antu*, *burung*, *kala*, *ukir*, *chura*, *jaku*, *leka*, *ensera*, *marik*, *gagung*, and *sirat*. Based on the findings, the researcher found that each of these words has collocations with other words, and the relationship between words and meanings can be examined through the generated concordance results. Therefore, there are nine words that have synonyms, namely *raban*, *nemui*, *petara*, *ukir*, *chura*, *ensera*, *marik*, *gagung*, and *sirat*. Meanwhile, the words *gaga*, *tanda*, *antu*, *kala*, and *leka* have homograph meanings. Words with homonym meanings include *bansa*, *iban*, *burung*, and *jaku*. This study shows that the Iban language also contain lexical meaning and making it very unique to explore.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii

**PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

**ABSTRACT** vi

**KANDUNGAN** vii

**SENARAI JADUAL** xii

**SENARAI RAJAH** xv

**SENARAI SINGKATAN** xix

**BAB 1 PENDAHULUAN** 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang 2

1.3 Permasalahan Kajian 6

1.4 Objektif Kajian 17

1.5 Soalan Kajian 18

1.6 Kepentingan Kajian 18

1.6.1 Sumber Rujukan Kepada Guru Bahasa Iban dan Penyelidik 19

1.6.2 Pendedahan Buku Teks Bahasa Iban Secara Meluas	19
1.6.3 Perkembangan Kaedah Penyelidikan Dalam Bidang Bahasa Iban	20
1.6.4 Idea Dalam Penyelidikan Bidang Bahasa Iban	21
1.7 Definisi Operasional	22
1.7.1 Kata	22
1.7.2 Buku Teks	22
1.7.3 Elemen Budaya	23
1.7.4 Kolokasi	24
1.7.5 Korpus	24
1.7.6 Kata Kandungan	25
1.8 Kesimpulan	26

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	27
2.2 Kajian Literatur	28
2.2.1 Kajian elemen budaya masyarakat Iban	28
2.2.2 Kajian Kata	41
2.2.3 Kajian Analisis Statistik Korpus	51
2.2.4 Kajian Analisis Tematik	57
2.3 Analisis Kritis	64
2.3.1 Kata	64
2.3.2 Elemen Budaya	65
2.3.3 Statistik Korpus	67

2.3.4 Analisis Tematik	69
2.4 Kerangka Teoritikal: Statistik Korpus Linguistik dan Tematik	70
2.5 Kesimpulan	73
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	74
3.1 Pengenalan	74
3.2 Reka Bentuk	75
3.2.1 Kerangka Konseptual	75
3.3 Deskripsi Data	77
3.3.1 Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	77
3.3.2 Pembinaan Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	84
3.4 Instrumen Kajian	89
3.4.1 Alat Statistik	89
3.4.2 LancsBox 6.0	91
3.5 Batasan Kajian	99
3.6 Pengumpulan Data	101
3.7 Analisis Data	105
3.8 Kesimpulan	107
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	108
4.1 Pengenalan	108
4.2 Kekerapan Kata Berdasarkan Elemen Budaya Dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	109
4.2.1 Senarai Kekerapan Bagi Keseluruhan Kata Yang Terdapat Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	111

4.2.2 Senarai Kekerapan Kata Yang Tertinggi Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	112
4.2.3 Senarai Kekerapan Kata Yang Sederhana Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	114
4.2.4 Senarai Kekerapan Kata Yang Berada Pada Aras Rendah Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	115
4.2.5 Hapaxes	117
4.2.6 Senarai Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Budaya Dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	125
4.2.7 Kata Kandungan Yang Berfungsi Sebagai Elemen Budaya dalam KBTBI	133
4.3 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Budaya	136
4.3.1 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Sosial	138
4.2.2 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Tradisi	161
4.2.3 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Kepercayaan	178
4.2.4 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Bahasa	192
4.2.5 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Seni	208
4.2.6 Penggunaan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Pakaian	220
4.5 Kesimpulan	233
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	234
5.1 Pengenalan	234
5.2 Penilaian Objektif Kajian	235
5.2.1 Mengenal pasti kekerapan kata berdasarkan elemen budaya dalam KBTBI	235
5.2.2 Menganalisis klasifikasi kata berdasarkan elemen budaya dalam KBTBI	238

5.2.3 Menghuraikan hubungan antara kata berdasarkan elemen budaya dan pemaknaan berdasarkan KBTBI	239
5.3 Rumusan Kajian	243
5.4 Sumbangan Kajian	247
5.4.1 Kepelbagaian Pemaknaan Kata Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	248
5.4.2 Penggunaan Teknologi Perkomputeran Dalam Bidang Penyelidikan Bahasa Iban	248
5.4.3 Representasi Elemen Budaya Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	249
5.5 Cadangan Kajian	250
5.5.1 Penyelidikan Berasaskan Kemajuan Perkomputeran	250
5.5.2 Perkembangan Aspek Leksikal Dalam Bahasa Iban	251
5.5.3 Kepelbagaian Kajian Dalam Bidang Bahasa Iban	251
5.6 Kesimpulan	252
<b>RUJUKAN</b>	253

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Saiz Fail Buku Teks Bahasa Iban Mengikut Tingkatan	87
3.2	Statistik Asas Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	88
3.3	Rumusan Daripada Analisis Data	106
4.1	Aras Kekerapan Kata Berdasarkan Nilai Kekerapan Mentah Dan Relatif Dalam Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah	110
4.2	Senarai Kata Kandungan Hapaxes Dalam KWIC	119
4.3	Perbandingan Kata Kandungan Hapaxes Dan Non-Hapaxes	122
4.4	KWIC Bagi Kata <i>Adu</i>	123
4.5	KWIC bagi kata <i>pangku</i>	124
4.6	Kekerapan Mentah Bagi Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Budaya	126
4.7	Kekerapan Relatif Bagi Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Budaya	128
4.8	Kata Kandungan Yang Berfungsi Sebagai Elemen Budaya	133

4.9	Elemen Sosial	138
4.10	Jadual Kolokasi bagi kata <i>bansa</i>	140
4.11	KWIC bagi kata <i>bansa</i>	147
4.12	Jadual kolokasi bagi kata <i>raban</i>	151
4.13	Jadual KWIC bagi kata <i>raban</i>	153
4.14	Jadual kolokasi bagi kata <i>gaga</i>	157
4.15	Jadual KWIC bagi kata <i>gaga</i>	158
4.16	Elemen tradisi	161
4.17	Jadual kolokasi bagi kata <i>iban</i>	163
4.18	Jadual KWIC bagi kata <i>iban</i>	166
4.19	Jadual kolokasi bagi kata <i>tanda</i>	170
4.20	Jadual KWIC bagi kata <i>tanda</i>	171
4.21	Jadual kolokasi bagi kata <i>nemuai</i>	175
4.22	Jadual KWIC bagi kata <i>nemuai</i>	176
4.23	Elemen kepercayaan	178
4.24	Jadual Kolokasi bagi kata <i>petara</i>	180
4.25	Jadual KWIC bagi kata <i>petara</i>	181
4.26	Jadual kolokasi bagi kata <i>antu</i>	184
4.27	Jadual KWIC bagi kata <i>antu</i>	186
4.28	Jadual kolokasi bagi kata <i>burung</i>	189
4.29	Jadual KWIC bagi kata <i>burung</i>	190
4.30	Elemen bahasa	192
4.31	Jadual kolokasi bagi kata <i>jaku</i>	194
4.32	Jadual KWIC bagi kata <i>jaku</i>	197

4.33	Jadual kolokasi bagi kata <i>leka</i>	201
4.34	Jadual KWIC bagi kata <i>leka</i>	202
4.35	Jadual kolokasi bagi kata <i>ensera</i>	206
4.36	Jadual KWIC bagi kata <i>ensera</i>	207
4.37	Elemen seni	208
4.38	Jadual kolokasi bagi kata <i>kala</i>	210
4.39	Jadual KWIC bagi kata <i>kala</i>	211
4.40	Jadual kolokasi bagi kata <i>ukir</i>	214
4.41	Jadual KWIC bagi kata <i>ukir</i>	215
4.42	Jadual kolokasi bagi kata <i>chura</i>	218
4.43	Jadual KWIC bagi kata <i>chura</i>	219
4.44	Elemen Pakaian	221
4.45	Jadual kolokasi bagi kata <i>marik</i>	222
4.46	Jadual KWIC bagi kata <i>marik</i>	224
4.47	Jadual kolokasi bagi kata <i>gagung</i>	226
4.48	Jadual KWIC bagi kata <i>gagung</i>	227
4.49	Jadual kolokasi bagi kata <i>sirat</i>	229
4.50	Jadual KWIC bagi kata <i>sirat</i>	230

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoritikal Statistik Berpandukan Korpus dan Analisis Tematik	70
3.1	Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Satu	78
3.2	Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Dua	79
3.3	Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Tiga	80
3.4	Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Empat	81
3.5	Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Lima	82
3.6	Elemen Yang Dihapuskan Dalam Proses Pembersihan Data	83
3.7	Contoh Data Yang Disimpan Dalam <i>Notepad, plain text (.txt)</i>	84
3.8	Sampel Data Dari Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Satu	85
3.9	Sampel Data Dari Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan Dua	85
3.10	Sampel data dari buku teks bahasa Iban Tingkatan Tiga	86

3.11	Sampel data dari buku teks bahasa Iban Tingkatan Empat	86
3.12	Sampel data dari buku teks bahasa Iban Tingkatan Lima	86
3.13	Perisian LancsBox 6.0	92
3.14	Alat KWIC Bagi Carian Kata <i>Baka</i>	93
3.15	GraphColl Menunjukkan Senarai Kolokasi Bagi Kata Ngagai	94
3.16	Contoh Graf Visualisasi Kolokasi Dari Alat <i>GraphColl</i>	95
3.17	Carian Menggunakan <i>Whelk</i>	95
3.18	Contoh Carian Kata Dari Fail Korpus Mengikut Fitur Yang Berbeza	96
3.19	Senarai Kata Yang Dijana Menggunakan <i>Words</i>	97
3.20	Alat <i>Ngrams</i>	98
3.21	Text Yang Menunjukkan Plain Text	98
3.22	Info Grafik Batasan Kajian	99
3.23	Prosedur Pengumpulan Data	102
3.24	Senarai Kata (Kekerapan Mentah)	103
3.25	Senarai Kata (Kekerapan relatif)	104
4.1	Senarai kekerapan kata berdasarkan nilai kekerapan mentah dan kekerapan relatif	111

4.2	Kekerapan Kata Pada Aras Tinggi	113
4.3	Kekerapan Kata Pada Aras Sederhana	114
4.4	Kekerapan Kata Pada Aras Rendah	116
4.5	Kekerapan Mentah Dan Kekerapan Relatif Yang Menunjukkan Hapaxes	118
4.6	Peratusan Kata Kandungan Berdasarkan Elemen Budaya	132
4.7	Graf Visual Bagi Kata <i>Bansa</i>	139
4.8	Graf Visual Bagi Kata <i>Raban</i>	150
4.9	Graf visual bagi kata <i>gaga</i>	156
4.10	Graf visual bagi kata <i>iban</i>	162
4.11	Graf visual bagi kata <i>tanda</i>	169
4.12	Graf visual bagi kata <i>nemuai</i>	174
4.13	Graf visual bagi kata <i>petara</i>	179
4.14	Graf visual bagi kata <i>antu</i>	184
4.15	Graf visual bagi kata <i>burung</i>	188
4.16	Graf visual bagi kata <i>jaku</i>	193
4.17	Graf visual bagi kata <i>leka</i>	200
4.18	Graf visual bagi kata <i>ensera</i>	205

4.19	Graf visual bagi kata <i>kala</i>	209
4.20	Graf visual bagi kata <i>ukir</i>	214
4.21	Graf visual bagi kata <i>chura</i>	217
4.22	Graf visual bagi kata <i>marik</i>	222
4.23	Graf visual bagi kata <i>gagung</i>	225
4.24	Graf visual bagi kata <i>sirat</i>	228
4.25	Hubungan antara kata berdasarkan elemen budaya dan pemaknaan	231

## SENARAI SINGKATAN

BTBIT1 Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan 1

BTBIT2 Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan 2

BTBIT3 Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan 3

BTBIT4 Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan 4

BTBIT5 Buku Teks Bahasa Iban Tingkatan 5

DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

KBTBI Korpus Buku Teks Bahasa Iban

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KSSM Kurikulum Standard Sekolah Menengah

KWIC *Key Word In Context*

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

SK Soalan Kajian

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Perkembangan pendidikan bukan diperingkat inovasi sahaja, sebaliknya bermula pada asas penyelidikan. Integrasi pendidikan dan bahasa merupakan satu induk yang saling memerlukan. Trend penyelidikan dalam dua bidang ini sentiasa menonjolkan keperluan dan kemenjadian dalam membina bakat serta produk bersifat semasa. Saban tahun, para sarjana membincangkan isu bahasa, linguistik dan Pendidikan bagi tujuan penambahbaikan serta tatacara mengatasi cabaran pada masa kini. Kini dalam pelan tindakan serta polisi dunia telah menganggap bahawa elemen budaya memberi galakan kepada peningkatan mutu bahasa, linguistik dan pendidikan. Elemen budaya merupakan indikator penting serta menyumbang kepada pembentukan konteks kata dan



makna. Oleh hal yang demikian, keperluan elemen budaya, leksikal, pemaknaan, bahasa Iban dan pendidikan menjadi mauduk dalam kupasan Bab 1 ini. Dalam bab ini, antara aspek yang dibincangkan adalah termasuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasi.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Umum mengetahui bahawa setiap negara mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Hal ini sama juga dengan negara Malaysia yang mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Sistem pendidikan di negara Malaysia berlainan dengan negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap pendidikan di Malaysia adalah bermula dengan tahap Pra Sekolah dan Tadika. Kemudian diikuti dengan sekolah rendah, sekolah menengah dan sampai ke tahap institut pengajian tinggi. Setiap tahap pendidikan tersebut mengandungi silibus yang berbeza dengan mata pelajaran yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana bermula dari sekolah rendah sampai ke sekolah menengah mempunyai banyak mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh para pelajar. Antara mata pelajaran yang disediakan di sekolah ialah Matematik, Sains, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Kimia, Perakauan, dan sebagainya. Namun begitu, terdapat satu keistimewaan pendidikan di Malaysia apabila beberapa bahasa ibunda dijadikan sebagai mata pelajaran di sekolah. Lebih-lebih lagi Malaysia yang terkenal sebagai negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Mata pelajaran ini dikategorikan sebagai elektif bahasa. Antaranya bahasa ibunda yang dibawa ke dunia





pendidikan ialah mata pelajaran Bahasa Tamil, Bahasa Cina, Bahasa Iban, Bahasa Kadazan Dusun, Bahasa Semai dan Bahasa Arab. Lazimnya, mata pelajaran ini akan dipelajari oleh pelajar yang merupakan penutur jati bagi bahasa tersebut.

Persoalannya adalah apakah medium utama yang digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk mata pelajaran yang menggunakan bahasa ibunda atau mata pelajaran elektif bahasa di sekolah? Menurut Choo Chen dan Tiam Lai (2022), buku teks merupakan satu daripada bahan pembelajaran yang sering digunakan di sekolah, terutamanya dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini dapat ditegaskan lagi dengan pendapat yang menyatakan bahawa buku teks antara medium pembelajaran utama yang sering dijadikan sebagai bahan rujukan di sekolah (Yi Xing & Hidayah, 2021). Tambahan pula, buku teks merupakan bahan rujukan yang sah dan rasmi yang sejajar dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (selepas ini disebut sebagai DSKP) (Choo Chen dan Tiam Lai, 2022). Jadi, berdasarkan pendapat-pendapat dari tokoh tersebut, buku teks adalah bahan rujukan yang paling dekat dan sering di sekolah. Lebih-lebih lagi bagi mata pelajaran elektif bahasa. Lagipun buku teks merupakan medium pelajaran yang mempunyai kualiti dan memenuhi keperluan konteks dalam pendidikan pada masa ini (Jia Wei & Roslinda, 2020). Tidak dinafikan bahawa buku teks adalah antara buku rujukan yang sering digunakan semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah.

Buku teks ialah buku yang digunakan oleh guru dan pelajar untuk mempelajari mata pelajaran yang terdapat di sekolah seperti yang pernah dinyatakan oleh Choo Chen dan Tiam Lai (2022) dalam kajiannya. Menurut Aisyah, Maimun dan Nik Mohd Rahimi



(2017) telah mendefinisikan buku teks sebagai bahan bacaan utama dalam proses PdP. Tambahan pula, buku teks merupakan bahan yang mudah diperolehi kerana setiap sekolah telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) buku teks bagi semua mata pelajaran di sekolah. Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan, buku teks kini tidak hanya terdapat dalam bentuk cetakan atau salinan keras malah ianya terdapat dalam bentuk digital atau salinan lembut. Hal ini turut disokong oleh Najwa, Anuar dan Norasmah (2024) yang menyatakan bahawa buku teks pada masa kini mudah didapati kerana hampir semua mata pelajaran di sekolah mempunyai kod QR atau dikenali sebagai kod respon pantas bagi memudahkan pelajar dan guru untuk mengakses buku teks. Pendek kata, buku teks bagi semua mata pelajaran di Malaysia disediakan dalam bentuk digital yang boleh diakses sama ada melalui telefon bimbit mahupun melalui komputer.

Apabila diselaraskan dengan buku teks dan mata pelajaran elektif bahasa tadi, mata pelajaran tersebut melibatkan pelbagai aspek bahasa yang dipelajari di sekolah yang boleh dirujuk dalam buku teks. Dalam erti kata lain, silibus bagi mata pelajaran bahasa begitu luas untuk dipelajari. Misalnya, morfologi, sintaksis, semantik, aspek seni bahasa dan sebagainya. Hal ini adalah sejajar dengan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam DSKP sekolah, terutamanya dalam mata pelajaran bahasa. Ini bermaksud mata pelajaran bahasa Iban juga mempunyai silibus yang telah ditetapkan seperti yang terkandung dalam DSKP. Maka, bahasa merupakan bidang yang mempunyai aspek kajian yang luas dan pelbagai. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan aspek makna leksikal. Menurut Siti Farida et al (2020), makna leksikal terbahagi kepada



beberapa makna, iaitu makna tersurat, makna tersirat, makna umum dan makna perkamusan. Berdasarkan kajian tersebut juga, makna leksikal adalah seperti makna antonim, sinonim, homonim, homograf, pertindihan dan ketaksaan. Manakala Afrida et al. (2021) pula membahagikan makna leksikal kepada dua jenis, iaitu makna leksikal di dalam bahasa dan makna leksikal di luar bahasa. Menurut beliau lagi, makna leksikal di dalam bahasa adalah merujuk kepada makna asal bagi sesuatu kata yang terdapat dalam kamus dan makna leksikal di luar bahasa pula merujuk kepada makna bagi sesuatu kata berdasarkan tafsiran sendiri. Jadi, makna leksikal merupakan makna kata yang dapat dicari dari kamus walaupun kata tersebut terbahagi kepada pelbagai makna seperti antonim, sinonim, homonim, homograf dan sebagainya.



Seiring dengan perkembangan teknologi pada masa ini, kaedah penyelidikan bahasa turut berkembang, terutamanya dari segi penggunaan komputer. Ini bermaksud terdapat banyak kajian-kajian lain menggunakan atau mengalikasikan kemajuan teknologi dalam penyelidikan. Tambahan pula, penggunaan komputer bukanlah sesuatu yang baharu dalam dunia penyelidikan. Hal ini dapat dibuktikan dengan Muhammad Hatta Shafri et al. (2023) telah menjalankan kajian menggunakan perisian korpus untuk meneliti kekerapan penggunaan istilah yang berkaitan dengan Covid-19. Dalam kajian tersebut, beliau melihat dua jenis kekerapan, iaitu kekerapan mentah dan kekerapan relatif. Jadi, melalui korpus, data dapat diperolehi dengan sangat tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana korpus merupakan satu perisian yang mempunyai himpunan teks yang dikumpulkan dari pelbagai bahan bertulis. Manakala dari segi penyelidikan makna, korpus merupakan kaedah yang amat membantu kerana korpus dapat menjana kekerapan





bagi sesuatu kata dan diteliti dari konteks dan situasi tertentu (Hasmidar Hassan, 2023). Jadi, penganalisisan data menggunakan perisian korpus telah membuktikan bahawa bidang penyelidikan bahasa turut berkembang dari segi penggunaan teknologi.

Oleh itu, kajian ini lebih fokus untuk menjalankan kajian berkaitan dengan makna kata dalam bahasa Iban, terutamanya dari segi elemen budaya yang terdapat dalam buku teks digital bahasa Iban berpandukan korpus. Untuk kajian ini, pengkaji akan fokus kepada beberapa makna kata, iaitu kata yang terdiri daripada makna sinonim, homonim dan homograf. Melalui kajian ini, pengkaji akan meneroka dan meneliti makna-makna tersebut berdasarkan elemen budaya dalam buku teks bahasa Iban sekolah menengah. Pada masa yang sama, pengkaji akan meneliti penggunaan makna kata berdasarkan elemen budaya dalam buku teks bahasa Iban sekolah menengah.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian adalah merujuk isu yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Jadi, pengkaji akan membahagikan permasalahan kajian kepada empat perkara. Permasalahan kajian dalam kajian ini melibatkan aspek makna kata, elemen budaya, analisis statistik korpus dan analisis tematik dalam penyelidikan. Segala isu yang timbul dalam permasalahan kajian ini hanyalah sekadar pemandu arah kepada pengkaji untuk menggerakkan proses penyelidikan dalam bidang ini. Lebih-lebih dalam membangunkan objektif kajian.





Perbincangan bagi permasalahan kajian ini akan dimulakan dengan isu yang berkaitan dengan kata. Dalam kajian ini, pengkaji fokus kepada makna kata yang merupakan satu daripada cabang leksikal yang berkaitan dengan semantik. Sesuatu makna boleh dibahagikan kepada banyak jenis, terutamanya makna leksikal. Lazimnya, makna leksikal sering dikaitkan dengan makna bagi morfem dan kata (Nysa Maydina Siahhan et al., 2022). Nur Rahmawati dan Didah Nurhamidah (2018) memberi konsep kepada makna leksikal yang mempunyai makna yang terus dan boleh dirujuk melalui kamus. Manakala Siti Farida et al. (2020) pula berpendapat bahawa makna leksikal juga mempunyai makna tersurat dan tersirat. Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa kajian tentang pemaknaan kata dalam bahasa Iban masih sangat terhad. Kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek seperti morfologi, fonologi, atau struktur sintaksis dalam bahasa Iban (Tamin & Ting, 2020). Manakala makna kata yang mencerminkan unsur budaya dalam buku teks jarang diberikan perhatian secara mendalam. Oleh itu, pengkaji ingin mengetengahkan beberapa kajian yang berkaitan dengan makna kata.

Berdasarkan isu berkaitan dengan bidang makna leksikal atau makna kata dalam bahasa Iban, pengkaji mendapati terdapat segelintir guru bahasa Iban mempunyai masalah dalam mengajar mata pelajaran bahasa Iban, terutamanya dalam aspek seni bahasa. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kajian yang dijalankan oleh Saripah, Minah dan Anida (2022) yang menyatakan bahawa guru bahasa Iban masih kurang menguasai ilmu pengetahuan dari segi aspek seni bahasa. Keadaan ini adalah disebabkan oleh segelintir guru di sekolah bukan dari bidang bahasa Iban dan hanya berbangsa Iban.





Impak daripada perkara ini menjadikan guru bahasa Iban sukar untuk mengajar aspek seni bahasa, lebih-lebih lagi apabila berkaitan dengan unsur pemaknaan kata yang mempunyai pelbagai makna atau jenis. Sedangkan dalam silibus mata pelajaran bahasa Iban di sekolah mempunyai aspek seni bahasa yang melibatkan unsur pemaknaan kata.

Clinton, Hamidah dan Remmy (2021) pernah menjalankan kajian berkaitan dengan leksikal, iaitu berkaitan dengan bahasa halus dalam kalangan masyarakat Iban. Tetapi kajian ini hanya fokus kepada satu jenis leksikal sahaja, iaitu makna eufemisme. Sedangkan bahasa Iban mempunyai banyak jenis leksikal yang boleh dikaji dengan lebih mendalam dan meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana Hamidah, Siti Marina dan Remmy (2020) yang turut menjalankan kajian yang berkaitan dengan bentuk dan penggunaan bahasa halus dalam kalangan masyarakat Melayu dan Iban. Kedua-dua kajian tersebut hanya fokus kepada kata yang mempunyai makna eufemisme dalam bahasa Iban sahaja. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompongan daripada kajian-kajian lepas berkenaan dengan makna kata dalam bahasa Iban.

Bukan itu sahaja, terdapat juga isu tentang makna leksikal dalam bahasa lain. Bidarita (2019) menyatakan bahawa terdapat masyarakat yang mengalami kekekangan untuk memahami sesuatu makna dari sesebuah kata. Tambah beliau lagi, keadaan seperti ini mengakibatkan para pembaca sukar memahami dan keliru akan makna sesebuah kata dalam bahasa Inggeris. Beliau juga menyatakan bahawa unsur makna seperti homonim menyebabkan para pembaca perlu berfikir dengan lebih mendalam untuk memahami sesuatu makna. Hal ini dikatakan demikian kerana homonim merupakan kata yang





mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi mempunyai pelbagai makna. Hal ini sejajar dengan kajian yang ingin dijalankan berkenaan dengan makna kata dalam bahasa Iban. Lebih-lebih lagi, bahasa Iban juga mempunyai makna kata seperti homonim dan masih perlu diterokai dengan lebih mendalam.

Isu tentang unsur makna kata dalam bahasa kedua juga diteliti dalam kajian lepas. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Ahmad Mukhlis Zalana dan Normalis (2024) yang menyatakan bahawa kata yang bersifat homofon, homonim dan homograf dalam bahasa kedua perlu diberi perhatian bagi memahami sesuatu makna. Dalam kajian beliau, Dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun dibandingkan dari segi makna kata seperti homofon, homonim dan homograf. Menurut beliau lagi, ketiga-tiga makna tersebut harus diteliti dengan mendalam bagi memahami makna sebenar. Oleh itu, isu ini turut diambil kerana melibatkan makna kata dan akan diteliti dari segi penggunaan makna homofon, homonim dan homograf dalam bahasa Iban.

Siti Farida et al. (2020) menyatakan bahawa sesuatu kata dalam bahasa tidak akan mempunyai makna yang jelas sekiranya proses komunikasi gagal menyampaikan makna. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut beliau, sesuatu komunikasi boleh disampaikan melalui novel. Tambah beliau lagi, novel merupakan wahana untuk menyampaikan mesej dengan menggunakan kata-kata yang mempunyai makna berlapis seperti hiponim, meronim, sinonim, antonim, homonim, homograf dan homofon. Oleh itu, pemahaman terhadap makna sesuatu kata amat penting bagi memastikan komunikasi berjalan lancar. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan bahasa seperti yang digunakan dalam



kajian ini.

Terdapat juga segelintir masyarakat yang kurang berpengetahuan tentang makna leksikal seperti homonim, homograf dan homofon yang sebenarnya banyak digunakan dalam percakapan seharian (Rofiah, 2024). Dalam kajian beliau lagi, masyarakat menyatakan bahawa mereka tidak perasan bahawa terdapat unsur homonim dalam komunikasi harian mereka. Manakala homofon pula, beliau mendapati bahawa para responden mengalami masalah sukar untuk mengenal pasti kata yang mempunyai sebutan yang sama tetapi berbeza ejaan dan makna. Berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauh manakah unsur makna kata yang terdiri daripada makna homonim, homograf dan homofon yang terdapat dalam bahasa Iban.

Di samping itu, isu dalam memahami makna kata juga berlaku dalam kalangan masyarakat Indonesia. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Siti Kameelah Kareng (2020) yang menyatakan bahawa mahasiswa Patani mengalami masalah untuk memahami makna kata dalam bahasa Indonesia yang mempunyai unsur sinonim dan homonim yang terdapat dalam teks dan perbualan. Menurut beliau ini, hal ini berlaku ekoran daripada perbezaan bahasa ibunda. Hal ini bermaksud masalah untuk memahami kata yang berunsur sinonim dan homonim sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu Patani dengan masyarakat yang menggunakan bahasa Indonesia. Kajian ini juga dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Amanah (2020) dan Endang Sri Maruti dan Bambang Ekko (2021) yang berkaitan dengan unsur antonim dalam bahasa Dayak Ribun di Kalimantan Barat.

Berdasarkan kajian tersebut, isu berkenaan dengan masalah untuk memahami makna sesuatu kata turut berlaku dalam bahasa lain.

Saptiana Sulastri (2020) juga menyatakan bahawa bahasa Dayak Kanayatn mempunyai isu yang berkaitan dengan makna kata yang mempunyai unsur antonim. Beliau menyatakan bahawa sesuatu kata yang diungkapkan mempunyai makna untuk menyampaikan buah fikiran. Lebih-lebih lagi apabila bahasa Dayak Kanayatn yang mudah berubah dan terpengaruh dengan bahasa Indonesia. Oleh itu, pemahaman terhadap sesuatu kata amat penting seperti yang dikaji dalam kajian beliau tentang makna antonim. Makanya, isu ini turut dipertimbangkan dalam kajian yang berkaitan dengan bahasa Iban agar unsur pemaknaan kata antonim turut dapat ditunjukkan.

Jadi, berdasarkan kajian-kajian ini, pengkaji ingin mengetahui jenis atau makna kata yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban sekolah menengah. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa mempunyai pelbagai makna kata yang boleh dikaji dengan mendalam. Lebih-lebih lagi makna kata dalam bahasa Iban yang masih perlu diterokai dengan lebih meluas.

Seterusnya, setiap masyarakat di negara kita mempunyai elemen budayanya yang tersendiri. Ini bermaksud bahawa setiap kaum di negara kita mempunyai budaya yang unik. Hal ini termasuklah masyarakat Iban yang turut mempunyai elemen budaya yang unik dan pelbagai. Budaya adalah merujuk kepada sesuatu kebiasaan yang diamalkan secara turun-temurun oleh sekelompok masyarakat (Bernadeti Sartika Yasni Litik & Dian

Fitri Argarini, 2023). Manakala menurut C.Kluckhohn (1953) pula, budaya merujuk kepada aspek-aspek seperti bahasa, kemasyarakatan, kepercayaan, kesenian dan teknologi. Namun begitu, setiap elemen budaya tersebut mempunyai istilah atau kata yang digunakan bagi melambangkan setiap aspek tersebut. Jadi, terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan isu-isu elemen budaya.

Laura (2020) pernah menyatakan bahawa masyarakat muda dalam kalangan orang Iban kurang didedahkan tentang aspek budaya dari segi bahasa. Contohnya, dalam puisi *Sabak* orang Iban. Menurut beliau lagi, masyarakat Iban agak sukar untuk memahami ungkapan kata atau imej arketaip yang digunakan dalam puisi. Hal ini turut sama dengan kajian yang dijalankan oleh Jessica, Rosline dan Taufik (2020) dan Benjamin dan Chemaline (2020) yang berkaitan dengan puisi. Kajian beliau ini juga fokus kepada pengungkapan unsur simbolisme dalam puisi yang mempunyai makna yang tersendiri. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat muda pada masa ini kurang memahami unsur makna yang digunakan dalam elemen budaya seperti bahasa. Hal ini menjurus kepada satu kelompangan yang berkaitan dengan bagaimana makna sesuatu kata terbentuk dan difahami dalam konteks budaya.

Seterusnya, Gregory et al. (2023) pula menjalankan kajian yang berkaitan dengan kepercayaan orang Iban. Dalam kajian beliau terdapat banyak istilah-istilah yang berkaitan dengan kepercayaan lama (*Pengarap lama*) (Gregory Kiyai, 2021). Menurut beliau, masyarakat Iban pada masa ini sudah banyak menganuti agama seperti Kristian dan Islam. Tetapi kepercayaan seperti *mali* masih dipercayai dan sudah semestinya orang Iban tahu istilah-istilah yang digunakan kecuali golongan muda. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi kosa kata atau istilah yang perlu difahami oleh golongan muda

orang Iban. Oleh itu, penelitian terhadap kosa kata atau istilah dalam elemen budaya perlu diperluaskan lagi.

Menurut Erni Zunatasha et al. (2023), setiap masyarakat mempunyai kepercayaan masing-masing. Dalam kalangan masyarakat Iban dan Melanau, mereka menggunakan unsur simbol untuk melambangkan suatu pantang larang. Terdapat banyak jenis atau elemen simbol yang digunakan untuk menunjukkan pantang larang dalam kepercayaan mereka. Lazimnya, kepercayaan pantang larang ini menjadi turun temurun kepada generasi yang akan datang. Apa yang ingin diketengahkan pengkaji dari kajian ini adalah tahap pendedahan generasi baru terhadap istilah atau simbol yang digunakan dalam pantang larang yang terdapat dalam elemen budaya masyarakat Iban.

Bukan itu sahaja, Jacqueline dan Chemaline (2020) menjalankan kajian yang berkaitan dengan tenunan *pua sungkit*. Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah atau kata yang digunakan yang berkaitan dengan hasil seni tenunan ini. Hal ini juga sama dengan kajian Sylvia dan Zainuddin (2022) yang berkaitan dengan istilah yang digunakan untuk menamakan motif-motif tatu kaum Iban. Keadaan ini menunjukkan bahawa istilah-istilah yang digunakan dalam aspek seni turut mempunyai makna yang tersendiri dan perlu dikaji dengan lebih mendalam. Terutamanya dalam elemen budaya masyarakat Iban.

Pada masa ini, perkembangan teknologi dalam bidang penyelidikan turut meningkat. Setiap aplikasi atau perisian yang digunakan dalam mengumpul dan

menganalisis data turut mengalami penambahbaikan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji meneliti tentang kaedah yang digunakan untuk menganalisis data dengan menggunakan teknologi dari satu perisian, iaitu korpus. Pengkaji mendapat bahawa perisian korpus telah banyak dicipta dan digunakan dalam penyelidikan. Antara kaedah yang digunakan dalam mengkaji kata (makna dan golongan kata) adalah melibatkan analisis statistik korpus.

Oleh itu, terdapat banyak pengkaji lepas yang mengkaji makna kata dan golongan kata menggunakan perisian korpus termasuklah Ni Putu Diahtari Ariestiawati, Gede Primahadi Wijaya Rajeg & I Nyoman Tri Ediwan (2023), Ramayanti et al. (2022), Kundhanu Saddhono et al (2022), Zhang Lirong (2022), Muhammad Rahmat Alimuddin, Gusnawaty & Andi Agus Salim (2022), Flora Goyak et al. (2021), Diyak Ulahman & Habriyatul Rifhan (2021), Muhamad Fadzllah et al. (2020), Nor Fariza & Adlyn Syahirah (2020), Amina, Ayesha & Saira (2019) dan Millatul & Muchamad Sholakhuddin (2019). Terdapat beberapa perisian korpus yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut termasuklah *Sketch Engine (SkE)*, *Kortara*, *LancsBox (2018)*, *LancsBox 4.5* dan *AntConc*. Setiap perisian tersebut sudah mempunyai versi yang terbaru ekoran daripada perkembangan teknologi dalam bidang penyelidikan.

Pada masa yang sama, kajian-kajian tersebut fokus kepada data yang berkaitan dengan senarai kata, kekerapan kata, baris konkordans dan kolokasi kata. Antara alat yang digunakan oleh mereka dalam perisian korpus untuk menjana data adalah seperti *KWIC*, *WORD* dan *GraphColl*. Begitu juga kajian-kajian yang berkaitan dengan kolokasi

yang turut membuat tiga ujian, iaitu MI-Skor, *logDice* dan T-Skor. Seterusnya, kebanyakan kajian yang menggunakan perisian korpus ini adalah terdiri daripada kajian bahasa lain seperti bahasa Melayu, Inggeris, Indonesia, Arab dan lain-lain.

Isu yang ingin diutarakan disini adalah berkaitan dengan kajian bahasa Iban yang perlu menggunakan teknologi seperti perisian korpus agar setanding dengan perkembangan semasa dalam kaedah penyelidikan. Pendekatan korpus telah terbukti berguna dalam mengkaji hubungan antara bahasa dan budaya dalam bahasa utama (seperti Inggeris dan Melayu), tetapi aplikasinya dalam bahasa etnik seperti Iban masih sangat terhad (Foo & Tan, 2021). Kenyataan ini dapat ditegaskan lagi melalui kajian Tamin dan Ting (2020) yang mencadangkan bahawa penggunaan teknologi korpus boleh memperluaskan lagi kajian linguistik ke arah yang lebih sistematik dan berskala. Jadi, isu tentang kemajuan penggunaan teknologi dalam kajian bahasa Iban perlu diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan perisian korpus untuk mengkaji makna kata dalam bahasa Iban.

Pada masa yang sama, analisis Tematik merupakan satu daripada kaedah yang boleh digunakan untuk menganalisis data kajian. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik terdiri daripada enam peringkat untuk menghasilkan sesuatu tema. Enam peringkat dalam analisis tematik adalah seperti memahami data terlebih dahulu, membina kod atau kata kunci, mengenal pasti tema dari kata kunci tersebut, membuat pertimbangan terhadap nama tema, menetapkan nama tema dan kemudian membuat laporan. Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang menggunakan analisis tematik ini

untuk menganalisis data.

Antara pengkaji yang mengaplikasikan analisis tematik dalam penyelidikan ialah Deviana Halidazia (2023), Theofani Filia Latuputty & Iwan Wahyu Widayat (2023), Shafira Aurellia & Kartika Sari Dewi (2023), Ifny Silvia (2023), Wahyudin Darmalaksana (2022), Sufian & Anida (2022), Novendawati Wahyu (2022), Rozita, Rahim & Shahidi (2022), Rachmawaty, Mira & Eva (2021), dan Ku Zaimah & Mardzelah (2019). Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas, pengkaji mendapati bahawa analisis tematik banyak digunakan untuk menganalisis data yang memerlukan kategori atau pengelasan. Tambahan pula, analisis tematik telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan dan linguistik, namun penggunaannya secara khusus dalam kajian bahasa Iban masih terhad (Lidam & Omar, 2019). Kajian ini akan menerapkan analisis tematik dalam menentukan elemen budaya yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban.

Secara ringkasnya, analisis tematik digunakan sebagai pelengkap dan pengukuhan kepada data kajian. Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan di atas, para pengkaji lepas menggabungkan analisis tematik dengan teori, kaedah atau perisian untuk mendapatkan data. Misalnya, perisian komputer, Atlas. ti. 9, Teori Etika Media Sosial, dan sebagainya. Situasi ini mewujudkan satu jurang ilmiah yang perlu diisi, iaitu ketiadaan kajian yang menggabungkan analisis korpus dan analisis tematik dalam meneliti pemaknaan kata berdasarkan elemen budaya dalam buku teks Bahasa Iban sekolah menengah. Jurang ini bukan sahaja menghalang pemahaman yang mendalam

tentang hubungan antara bahasa dan budaya, tetapi juga boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran Bahasa Iban dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana pemaknaan sesuatu kata difahamkan berdasarkan konteks budaya dalam buku teks Bahasa Iban sekolah menengah, menggunakan pendekatan gabungan linguistik korpus (LancsBox 6.0) dan analisis tematik.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mengandungi tiga (3) objektif;

##### **1.4.1 Mengenal pasti kekerapan kata berdasarkan elemen budaya dalam Korpus Buku**

Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah;

##### **1.4.2 Menganalisis klasifikasi kata berdasarkan elemen budaya dalam Korpus Buku**

Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah;

##### **1.4.3 Menghuraikan hubungan antara kata berdasarkan elemen budaya dan pemaknaan**

berdasarkan Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah.

## 1.5 Soalan Kajian

Kajian buku teks bahasa Iban sekolah menengah ini terdiri daripada tiga soalan kajian, iaitu:

- 1.5.1 Apakah kata yang kerap digunakan berdasarkan elemen budaya dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah?
- 1.5.2 Bagaimanakah kata (klasifikasi kata kandungan) yang kerap digunakan berdasarkan elemen budaya dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah?
- 1.5.3 Bagaimanakah hubungan antara kata berdasarkan elemen budaya dan pemaknaan dalam Korpus Buku Teks Bahasa Iban Sekolah Menengah?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan makna yang terdapat dalam buku teks berdasarkan elemen budaya. Antara kepentingan utama dalam kajian ini ialah buku teks bahasa Iban sekolah menengah, makna leksikal dan korpus linguistik. Jadi, berdasarkan aspek-aspek tersebut, terdapat beberapa kepentingan bagi kajian ini. Berikut merupakan kepentingan dari kajian ini.

### **1.6.1 Sumber Rujukan Kepada Guru Bahasa Iban dan Penyelidik**

Sumber rujukan merupakan bahan yang sering digunakan dan dijadikan sebagai panduan. Jadi, kajian ini penting sebagai sumber rujukan kepada guru-guru bahasa Iban dan para penyelidik untuk memahami makna-makna leksikal yang terdapat dalam bahasa Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana makna leksikal terdiri daripada pelbagai jenis seperti mana yang digunakan dalam kajian ini. Namun begitu, kajian ini hanya membataskan kajian makna leksikal kepada makna sinonim, homonim dan homograf sahaja. Jadi, ketiga-tiga makna tersebut boleh diteliti dan dirujuk oleh para guru bahasa Iban dan penyelidik dalam kajian ini. Pendek kata, para guru di sekolah boleh menggunakan kajian ini untuk menambah dan mengukuhkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan dengan makna selain daripada merujuk kepada makna dalam kamus, terutamanya berkaitan dengan makna sinonim, homonim serta homograf. Manakala untuk penyelidik pula, mereka boleh merujuk kajian ini untuk mendapatkan idea bagi kajian dalam bidang bahasa Iban. Lebih-lebih lagi apabila berkaitan dengan makna leksikal dalam bahasa Iban.

### **1.6.2 Pendedahan Buku Teks Bahasa Iban Secara Meluas**

Buku teks merupakan rujukan asas yang sering digunakan di sekolah, terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Iban. Kajian ini telah menjadikan buku teks bahasa Iban sekolah menengah sebagai data. Jadi, secara tidak langsung, keadaan ini akan dapat menunjukkan serba sedikit kata kandungan yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban kepada

masyarakat yang bukan Iban atau pun kepada pembaca kajian ini. Hal ini sekaligus dapat mendedahkan kepada masyarakat luar bahawa buku teks bahasa Iban juga mempunyai kualiti dan sesuai dijadikan sebagai buku rujukan di sekolah. Begitu juga kajian ini dapat menunjukkan bahawa bahasa Iban yang merupakan mata pelajaran elektif juga mempunyai bahan pembelajaran yang tersendiri, iaitu buku teks. Ini bermaksud, melalui kajian ini juga, masyarakat luar dapat mengenali buku teks atau bahan yang digunakan dalam pendidikan bahasa Iban di sekolah menengah walaupun mata pelajaran bahasa Iban hanya lah sebagai mata pelajaran elektif sahaja di sekolah.

### **1.6.3 Perkembangan Kaedah Penyelidikan Dalam Bidang Bahasa Iban**

Bidang bahasa Iban masih memerlukan pelbagai jenis kaedah penyelidikan agar dapat setanding dengan penyelidikan bagi bahasa-bahasa lain. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan perkembangan kaedah penyelidikan dalam bidang bahasa Iban, terutamanya dari segi penggunaan teknologi perkomputeran. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini telah menggunakan satu teknologi perkomputeran, iaitu perisian korpus untuk menjana data dari buku teks bahasa Iban sekolah menengah. Perisian korpus yang digunakan ialah LancsBox 6.0 yang dicipta oleh Brenzina pada tahun 2018. Pada masa yang sama, pengkaji dapat mendedahkan bahawa bidang bahasa Iban juga boleh menggunakan apa-apa perisian yang berteknologi tinggi dalam penyelidikan. Dalam erti kata lain, kajian ini akan menjadi satu kelebihan kepada penyelidik lain yang ingin menggunakan perisian korpus dalam bidang bahasa Iban

mahupun dalam bidang bahasa yang lain.

#### **1.6.4 Idea Dalam Penyelidikan Bidang Bahasa Iban**

Kajian atau penyelidikan dalam bidang bahasa Iban perlulah diperluaskan bagi meningkatkan perkembangan bahasa tersebut. Makanya, kajian ini boleh dijadikan sebagai pencetus idea bagi penyelidik dalam bidang bahasa Iban. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini meneliti tentang bidang makna leksikal dalam bahasa Iban. Kajian ini hanya mengkaji tentang beberapa makna leksikal sahaja yang terdapat dalam bahasa Iban. Antara makna leksikal yang diteliti adalah termasuk makna sinonim, homonim dan homograf. Sedangkan makna leksikal terdiri daripada pelbagai jenis dan boleh diterokai dengan lebih mendalam. Jadi, penyelidik yang mahukan idea untuk membuat penyelidikan dalam bidang bahasa Iban boleh memperluaskan kajian tentang makna leksikal dalam bahasa Iban agar para pembaca dapat mengetahui kepelbagaian makna leksikal dalam bahasa Iban. Pada masa yang sama, kajian ini sedikit sebanyak dapat membuka minda para penyelidik akan datang bahawa kajian bahasa boleh menggunakan teknologi perkomputeran. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini memperoleh data berpandukan korpus. Dalam erti kata lain, kajian ini menggunakan perisian korpus untuk mempeolehi data. Jadi, kajian ini dapat memberi idea kepada para penyelidikan tentang cara hendak menganalisis data menggunakan perisian korpus. Lebih-lebih lagi bagi penyelidik yang baru hendak mempelajari kaedah penyelidikan berpandukan korpus. Manakala bagi penyelidik yang ingin menjalankan kajian

menggunakan buku teks bahasa Iban sekolah menengah, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu kerana data yang dijana dalam kajian ini adalah berdasarkan buku teks. Oleh itu, penyelidik lain boleh mendapatkan inspirasi dari kajian ini, sama ada dari segi penggunaan buku teks bahasa Iban, makna leksikal atau perisian korpus.

## 1.7 Definisi Operasional

### 1.7.1 Kata

Kata merupakan gabungan atau kesatuan kata yang mengandungi makna tertentu.

Menurut Abdullah Hassan (2016), kata merujuk kepada satu daripada unsur morfologi yang boleh membentuk perkataan. Manakala Nik Safiah Karim et al. (2015) pula menyatakan bahawa kata adalah satu unit tatabahasa yang boleh berbentuk tunggal dan mengalami proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Dalam pada itu, kata juga boleh ditakrifkan sebagai bentuk bahasa yang terkecil dan mempunyai makna yang lengkap serta boleh berdiri sendiri dalam ayat. Secara ringkasnya, kata adalah satu perkataan yang mempunyai makna yang lengkap dan boleh digunakan sebagai kata yang berbentuk tunggal, mempunyai imbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Maka, kajian ini akan meneliti kata kandungan berdasarkan elemen budaya dan unsur pemaknaan kata dalam bahasa Iban. Begitu juga dengan kajian ini yang menyentuh sedikit aspek golongan kata dalam bahasa Iban. Antara golongan kata yang digunakan adalah seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

### 1.7.2 Buku Teks

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), buku teks yang digunakan di sekolah adalah berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Manakala kandungan buku teks pada masa ini terbahagi kepada dua, iaitu berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Mohd Nazri et al. (2014) pula menyatakan bahawa buku teks dapat ditakrifkan sebagai bahan rujukan utama dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran kerana ia mengandungi sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran di sekolah. Jadi, dalam erti kata lain, buku teks merupakan bahan rujukan asas yang boleh diterima dalam pendidikan di negara kita. Oleh itu, kajian ini menggunakan buku teks bahasa Iban sekolah menengah yang bermula dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima untuk membina satu pangkalan data korpus. Buku teks tersebut akan dibersihkan terlebih dahulu sebelum dijadikan sebagai satu korpus.

### 1.7.3 Elemen Budaya

Elemen budaya merujuk kepada aspek yang luas dalam kehidupan masyarakat sehingga memerlukan mereka untuk mengatur hidup dari segi pemikiran dan tingkah laku (Nurshahera & Muhd Yuszaidy, 2017). Manakala menurut Shaliza (2015) pula, budaya adalah merangkumi aspek-aspek seperti pemakanan, pemakaian, tempat tinggal, agama dan kepercayaan. Hal ini dapat diringkaskan lagi melalui pandangan Cho Minsung (2016)

yang menyatakan bahawa budaya boleh dipecahkan kepada dua, iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Tambah beliau lagi, budaya bukan kebendaan adalah merangkumi aspek-aspek seperti buah fikiran, idea, adat istiadat, pola keluarga, dan bahasa. Jadi, secara ringkasnya, budaya adalah merujuk kepada intepretasi pemikiran manusia terhadap keperluan dan aktiviti manusia. Oleh itu, kajian ini meneliti elemen-elemen budaya dalam kalangan masyarakat Iban berpandukan kata atau istilah yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban sekolah menengah. Pada masa yang sama, setiap elemen budaya yang terdapat dalam buku teks bahasa Iban sekolah menengah akan ditentukan mengikut kategori atau pecahan bagi elemen budaya. Antara elemen budaya yang ditetapkan ialah sosial, kepercayaan, tradisi, seni, bahasa dan pakaian.

#### **1.7.4 Kolokasi**

Secara umumnya, kolokasi dapat ditakrifkan sebagai hubungan kedudukan antara satu kata dengan kata lain dalam satu baris susunan dalam frasa mahupun dalam ayat. Pada masa yang sama, kolokasi adalah merujuk kepada kata yang bergandingan dan wujud bersama (Zhang Lirong, 2022). Manakala menurut Loc Thi Bui (2021) pula, kolokasi merupakan susunan perkataan yang diletakkan secara berpasangan dalam ayat. Menurut Totok dan Deodatus (2019) pula, kolokasi adalah merujuk kepada kemunculan dua kata yang berpasangan yang terjadi secara kebetulan atau tidak dalam data korpus. Pendapat ini turut disokong oleh Uraidah Abdul Wahab, Mat Taib Pa dan Lily Hanefarezan Asbulah (2021) yang menyatakan bahawa kolokasi merupakan urutan kata



yang kerap hadir secara beriringan. Jadi, kolokasi ini dapat didefinisikan sebagai hubungan antara satu kata dengan kata yang lain dalam ayat. Secara ringkasnya, kolokasi adalah merujuk kepada dua kata yang hadir secara berpasangan. Hal ini sejajar dengan kajian ini, kolokasi antara satu kata dengan satu kata akan diteliti berdasarkan analisis kolokasi (*GraphColl*) berpandukan data korpus.

### 1.7.5 Korpus

Korpus merujuk kepada satu kaedah yang digunakan untuk menganalisis data. Terutamanya data dari sumber-sumber bertulis. Menurut Tony McEnergy, Richard Xiao dan Yukio (2006), korpus merupakan satu koleksi atau pengumpulan sampel teks tulisan atau lisan yang dapat dimasukkan dalam perisian korpus. Hal ini dikatakan demikian kerana teks yang bertulis dalam bentuk salinan lembut atau *pdf* dapat melalui proses keterbacaan dalam perisian korpus. Manakala Vaclav Brezina dan Dana Gablasova pula menyatakan bahawa korpus ialah koleksi teks dari teks elektronik seperti buku digital yang digunakan untuk mengkaji bahasa. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis data daripada buku teks digital bahasa Iban sekolah menengah berpandukan korpus.





### 1.7.6 Kata Kandungan

Secara umumnya, kata kandungan adalah merujuk kepada kata yang terkandung dalam sesuatu dokumen. Namun, jika diteliti dari bidang korpus, kata kandungan merupakan satu istilah yang digunakan untuk melambangkan kata yang diperolehi daripada hasil janaan korpus. Pendek kata, hasil janaan senarai kata dari korpus dianggap sebagai kata kandungan. Hal ini dapat ditegaskan lagi melalui kajian yang dijalankan oleh Muhamad Fadzllah et al. (2021) yang turut menggunakan istilah kata kandungan bagi melambangkan kata yang dijana menggunakan perisian korpus. Hal ini sejajar dengan kajian ini yang banyak menggunakan istilah kata kandungan bagi merujuk kepada kata yang diteliti berdasarkan hasil janaan perisian korpus.



### 1.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah membincangkan tentang latar belakang yang berkaitan dengan kajian ini. Segala isu dan permasalahan kajian juga diteliti dalam bab ini bagi mengetahui kesesuaian kajian ini dijalankan dan pembinaan objektif kajian. Pada masa yang sama, objektif kajian dan soalan kajian disusun mengikut permasalahan kajian dan diikuti dengan kepentingan kajian. Bagi memudahkan kefahaman dalam kajian ini, definisi operasional bagi beberapa istilah yang digunakan dalam kajian turut disertakan sekali dalam bab ini.

